

Bab 8

Rumusan : Bahasa Melayu dalam Cabaran¹

8.1 Pendahuluan

Dalam **Bab 1** telah dinyatakan bahawa tujuan utama kajian ini ialah membandingkan arah perkembangan bahasa Melayu di kedua-dua negara yang dipilih sebagai kawasan kajian. Dalam bab-bab yang terdahulu telah digambarkan keadaan bahasa Melayu di kedua-dua kawasan kajian, baik dari segi kemasyarakatan mahupun dari segi bahan bahasanya.

Di sini, sebagai bab penutup disertasi ini, pada mulanya dibandingkan pengaruh bahasa utama terhadap bahasa Melayu di kedua-dua kawasan kajian, iaitu rumusan bagi perbincangan dalam **Bab 6** dan **Bab 7**. Perbandingan ini sesuai dalam wacana kajian ini kerana pengaruh dari bahasa utama menjadi salah satu penentu arah perkembangan yang penting. Seterusnya, akan dibincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu. Perbincangan ini penting kerana cabaran-cabaran demikian akan menjadi satu lagi penentu arah perkembangan bahasa Melayu pada masa akan datang.

¹ Tajuk bab penutup ini, *Bahasa Melayu dalam Cabaran* diambil dari tajuk himpunan Syarahan Raja Ali Haji yang diselenggarakan oleh Nik Safiah Karim dan Nuwairi Khaza'ai, terbitan Persatuan Linguistik Malaysia (1997). Dirasakan bahawa tajuk ini sesuai kerana meliputi bidang kajian disertasi ini.

8.2 Perbandingan Pengaruh Bahasa Utama terhadap Bahasa Melayu

Pengaruh daripada bahasa utama terhadap bahasa Melayu yang terdapat di kedua-dua kawasan kajian amat besar dan mendalam. Tetapi di sini tetap terdapat beberapa perbezaan. Yang pertama ialah punca pengaruh tersebut, dan yang kedua ialah peringkat sistem bahasa yang terpengaruh.

8.2.1 Punca Pengaruh Bahasa Utama

Dari segi puncanya, pengaruh bahasa Inggeris yang terdapat pada bahasa Melayu basahan di Malaysia kebanyakannya disebabkan oleh sikap masyarakat penutur sendiri, iaitu puncanya berakar di minda penutur. Seperti yang telah dibincangkan dalam **Bab 5**, dari segi perundangan, pelaksanaan dasar bahasa serta sistem pendidikan, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu di Malaysia telah menikmati kedudukan yang amat selesa dan lumayan. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu di negara ini masih tetap ‘diancam’ oleh bahasa Inggeris. Ini menjadi salah satu bukti bahawa punca pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu di Malaysia tidak berada pada susunan masyarakat, sebaliknya ada pada minda penutur bahasa Melayu.

Di Thailand pula keadaannya sebaliknya. Penyingkiran bahasa Melayu dari bidang-bidang penggunaan utama merupakan hasil pelaksanaan dasar kerajaan Thai yang bersifat asimilasi. Di samping faktor yang disebut di atas, ketiadaan pertubuhan yang giat dalam pembinaan bahasa Melayu, baik dalam bentuk institusi kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan turut menyebabkan kekurangan istilah yang

digunakan untuk mengungkapkan hal-hal baharu. Secara tidak langsung keadaan ini juga mendorong pengambilan istilah bahasa Thai. Selain itu, sistem tulisan yang dapat mencatat sistem bunyi dengan baik juga belum dicipta. Ini melemahkan daya tahan dialek Patani kerana wujud dalam bentuk bahasa lisan atau bahasa basahan sahaja. Kesimpulannya, pengaruh bahasa Thai terhadap dialek Patani merupakan arus yang datang dari luar, yang amat sukar dibendungi. Tetapi di sini juga perlu dicatat sesetengah golongan muda lebih megah berbicara dalam bahasa Thai atau lebih cenderung untuk menggunakan bahasanya, dan gejala ini merupakan padanan bagi gejala yang berlaku di Malaysia.

8.2.2 Peringkat Sistem Bahasa yang Terpengaruh

Di kedua-dua kawasan kajian, bahasa utamanya merupakan bahasa kedua bagi penutur asli bahasa Melayu. Walaupun begitu, oleh sebab punca pengaruh bahasa utama terhadap bahasa Melayu di kedua-dua kawasan kajian berlainan, peringkat sistem bahasa yang terpengaruh juga menunjukkan perbezaan yang ketara.

Di Malaysia, pengaruh bahasa Inggeris boleh dianggap sebagai pengaruh permukaan, kerana sistem penghasilan bahasa Melayu tetap terjamin. Dalam ungkapan-ungkapan yang sering dianggap sebagai ‘pencemaran bahasa’, yang berlaku sebenarnya bukan peralihan kod, sebaliknya peminjaman secara besar-besaran. Hal ini jelas jika ungkapan-ungkapan demikian dinilai berdasarkan tahap penyamaan. Unsur-unsur yang dianggap sebagai pencemaran, iaitu unsur-unsur bahasa Inggeris yang diselitkan dalam ungkapan bahasa Melayu hampir semuanya disebut berdasarkan bunyi bahasa Melayu (aspek fonologi), digunakan berdasarkan

tatabahasa bahasa Melayu (aspek sintaksis dan morfologi) dan dalam wacana penggunaan bahasa Melayu (aspek pragmatik). Pendek kata, pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu boleh dianggap pengaruh pada kulit, manakala daging dan tulangnya hampir tidak terpengaruh.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit ungkapan yang lebih mendalam. Misalnya, kata sendi nama yang digunakan di tempat yang sebenarnya tidak perlu, seperti ‘sebagai’ dalam ungkapan ‘dianggap sebagai’ daripada terjemahan ungkapan bahasa Inggeris ‘*regarded as*’, atau ‘daripada’ dalam ungkapan ‘selain daripada’ sebagai terjemahan ‘*apart from*’ dan sebagainya. Tetapi gejala demikian amat terhad jumlahnya. Sebaliknya, bahasa Inggeris di Malaysia pula lebih banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu, terutamanya pada tahap bahasa percakapan (lihat Lee, 1998).

Di Thailand pula, tahap pengaruh bahasa Thai terhadap bahasa Melayu dialek Patani lebih mendalam. Pengaruh dari bahasa Thai terdapat pada hampir kesemua peringkat kebahasaan, bermula daripada peringkat bunyi, tatabahasa sehingga ke peringkat penggunaan. Jumlah kata pinjaman daripada bahasa Thai yang digunakan dalam dialek Patani tidak terkira banyaknya. Antaranya ada yang mantap penggunaannya sehingga ditulis dengan ejaan Jawi (seperti nama-nama bulan bahasa Thai, beberapa istilah pentadbiran dan kedudukan pekerjaan). Perkara yang perlu diambil perhatian ialah sesetengah kata pinjaman daripada bahasa Thai mengikuti bunyi asal bahasa Thai. Ini bermaksud masyarakat penutur dialek Patani telah mengambil sistem bunyi bahasa Thai dalam sistem bahasanya sendiri (walaupun digunakan khusus dalam penyebutan kata pinjaman).

Selain itu, pengaruh bahasa Thai juga menular sehingga peringkat yang lebih dalam. Gejala yang paling menarik dalam hal ini ialah penggunaan kata kerja bantu yang dijelaskan dalam **Bab 7**. Gejala ini tidak terdapat dalam mana-mana dialek bahasa Melayu yang lain, dan menunjukkan bahawa bahasa Thai berpengaruh sehingga sistem penghasilan ungkapan dialek Patani.

8.3 Cabaran terhadap Perkembangan Bahasa Melayu

Cabaran terhadap perkembangan bahasa Melayu merupakan satu penentu arah perkembangan bahasa Melayu pada masa akan datang. Cabaran ini boleh dibahagikan kepada dua jenis. Cabaran jenis pertama ialah cabaran yang bersifat luaran atau kemasyarakatan. Dua perkara dibincangkan di sini; yang pertama, cabaran teknologi maklumat. Kemunculan setiap media mempengaruhi perkembangan sesuatu bahasa, baik media cetak maupun media elektrik. Dengan demikian, cabaran teknologi maklumat sebagai media jenis baharu yang berkembang dengan amat pesat perlu dibincangkan di sini. Cabaran yang bersifat luaran yang dibincangkan seterusnya ialah jurang pemisah antara kelainan bahasa Melayu, terutamanya yang disempadani oleh negara. Salah satu unsur penting yang menjamin kekuatan bahasa ialah penggunaan yang mantap berdasarkan sifat saling memahami. Tetapi nampaknya perbezaan atau jurang pemisah antara kelainan bahasa Melayu yang disempadani oleh negara semakin melebar. Sekiranya gejala ini dibiarkan begitu sahaja, kemungkinan menjadi satu ancaman terhadap bahasa Melayu yang akan menggugat keuatannya sebagai bahasa seluruh Nusantara.

Cabaran jenis seterusnya ialah cabaran yang bersifat dalaman, iaitu yang berkaitan dengan minda dan daya fikiran penutur. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 5, 6 dan 7, sikap penutur terhadap bahasa Melayu merupakan satu penentu yang mustahak yang mempengaruhi arah perkembangan bahasa Melayu. Di kedua-dua kawasan kajian terdapat golongan yang gemar memasukkan unsur-unsur bahasa utama masing-masing ke dalam kelainan bahasa Melayunya. Akibatnya, kelainan bahasa Melayu masing-masing mengalami gejala yang dirujuk sebagai ‘pencemaran bahasa’ oleh para pencinta dan ahli bahasa. Gejala ini bukan sahaja ‘mencemarkan’ lapisan permukaan bahasa Melayu; malah menjelaskan daya penyampaian fikiran yang ada pada bahasa. Oleh yang demikian, gejala ini merupakan cabaran yang paling mustahak kerana akan mengurangkan kekuatan dalaman yang ada pada bahasa Melayu pada masa akan datang.

8.3.1 Cabaran Luaran

Cabaran terhadap bahasa Melayu yang bersifat kemasyarakatan atau luaran yang dibincangkan di sini ialah; pertama, teknologi maklumat sebagai media baharu yang akan mempengaruhi arah perkembangan bahasa Melayu pada masa akan datang, dan yang kedua ialah jurang pemisah antara kelainan bahasa Melayu yang disempadani oleh negara.

8.3.1.1 Cabaran Teknologi Maklumat

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat akan membawa berbagai-bagai kesan terhadap kehidupan manusia. Bahasa juga tidak terlepas daripada pengaruh

teknologi maklumat. Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat ini, bahasa yang menjadi alat pengantar utama dalam alam maya, iaitu bahasa Inggeris, semakin memperluas bidang penggunaannya, baik dalam negaranya sendiri maupun di luar. Wadah penggunaan bahasa yang berkaitan dengan teknologi maklumat boleh dibahagikan kepada dua golongan, iaitu perisian dan laman web.

Perisian komputer yang paling penting ialah sistem operasi. Sistem operasi yang paling luas digunakan ialah *Windows*, keluaran syarikat Microsoft. Bahasa-bahasa utama di Asia mempunyai versi *Windows* masing-masing, seperti bahasa China, bahasa Korea, bahasa Thai, bahasa Jepun dan sebagainya. Begitu juga program-program yang lain, walaupun terdapat tahap penggunaan bahasanya berbeza-beza. Misalnya di Jepun kebanyakan perisian komputer dialih bahasa ke dalam bahasa Jepun, manakala di Thailand perisian yang boleh menggunakan bahasa Thai ialah perisian-perisian yang utama sahaja. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa utama Asia tersebut kesemuanya mempunyai program utama.

Di Malaysia keadaannya agak berlainan. Gara-gara kemahiran bahasa Inggeris yang tinggi berbanding dengan negara-negara tersebut di atas, syarikat pengeluar perisian tidak berminat sama sekali untuk mencipta perisian dalam versi bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa rakyat di negara-negara tersebut di atas rata-rata lemah kemahiran bahasa Inggerisnya. Tetapi kelemahan ini sebaliknya mendorong pihak syarikat pengeluar perisian komputer untuk mencipta versi dalam bahasanya masing-masing, kerana versi bahasa Inggeris tidak laris. Di samping itu, persamaan jenis tulisan dengan bahasa Inggeris membolehkan pengguna bahasa Melayu terus menggunakan perisian versi bahasa Inggeris tanpa sebarang masalah.

Dengan kata lain, tidak ada unsur yang mendorong pihak pengeluar perisian untuk mencipta perisian versi bahasa Melayu. Di samping unsur-unsur yang dijelaskan di atas, perisian cetak rompak juga menghalang penghasilan perisian dalam bahasa Melayu.

Tentang laman web pula, penggunaan bahasa Melayu masih amat terhad. Menurut perhatian pengkaji, bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam laman-laman web yang berikut: surat khabar bahasa Melayu, majalah bahasa Melayu, institut pengajian tinggi awam, pertubuhan kerajaan, parti politik yang anggota majoritinya bangsa Melayu dan laman web peribadi. Beberapa pertubuhan yang dibiayai oleh kerajaan pula tidak menyediakan laman web dalam bahasa rasmi negara, seperti Jabatan Perdana Menteri, Telekom Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya. Setakat ini, dalam laman web Koridor Raya Multimedia, bahasa Melayu tidak digunakan sama sekali. Keadaannya jauh lebih membimbangkan dalam sektor swasta, yang hampir tidak menggunakan bahasa Melayu dalam laman webnya, kecuali nama syarikatnya sendiri. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat bagaikan pepatah Melayu ‘hidup segan mati tak mahu’.

Di sini perlu ditegaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam bidang teknologi maklumat ialah bahasa yang ditutur oleh bangsa utama dalam sesebuah negara yang tentunya mempunyai sistem tulisan yang mantap. Bahasa golongan minoriti hampir tidak bertempat dalam alam maya. Bahasa Melayu dialek Patani juga mengalami nasib yang sama dengan bahasa-bahasa minoriti yang lain, iaitu tidak dapat menyertai bidang teknologi maklumat. Tulisan bagi dialek ini ialah tulisan Jawi, tetapi ragam bahasa yang ditulis dalam tulisan Jawi telah menjadi bahasa yang

bersifat baku, tidak selaras dengan ragam yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Dengan demikian bagi dialek Patani amat sukar untuk mempertahankan diri dalam alam maya. Selain itu, oleh sebab keadaannya seperti yang telah dijelaskan, pengguna dialek Melayu Patani mahu tidak mahu menggunakan perisian dalam bahasa Thai apabila menggunakan komputer.

Setakat ini teknologi maklumat tidak berfungsi sepenuhnya untuk memperluas bidang penggunaan bahasa Melayu, malah pengaruhnya ialah sebaliknya, iaitu menyempitkan penggunaan bahasa Melayu dan menggantikannya dengan bahasa utama di daerah masing-masing. Tentang perisian amat sukar menangani cabaran ini kerana hal ini bukan sahaja melibatkan hal ehwal kebahasaan, tetapi juga soal ekonomi. Tetapi tentang penggunaan bahasa Melayu dalam laman web pula, sekiranya penggunaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang lain, terutamanya dalam sektor swasta semakin dipertingkat, laman web bahasa Melayu juga semakin bertambah. Sebenarnya soal penggunaan bahasa dalam laman web juga berkaitan dengan unsur-unsur kemasyarakatan yang lain.

8.3.1.2 Jurang Pemisah antara Kelainan Bahasa Melayu

Pada zaman kegemilangan kerajaan lama di wilayah ini, seperti Sriwijaya, Majapahit dan Kesultanan Melayu Melaka yang memerintah kebanyakan kawasan dunia Nusantara, di peringkat rasmi cuma ada satu ragam bahasa sahaja kerana mempunyai satu pusat pemerintahan tertinggi, di samping pelbagai dialek di daerah masing-masing. Tetapi setelah zaman pascapenjajahan, oleh sebab daerah Nusantara telah dibahagikan mengikut sempadan negara, iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura,

Brunei dan selatan Thailand, pertalian kebahasaan antara kelainan bahasa Melayu di negara masing-masing semakin menipis. Secara kasar, ini disebabkan oleh pelbagai perkara, iaitu faktor geografi, bekas penjajah, keadaan masyarakat, sistem pemerintahan, sejarah dan bahasa utama yang mempengaruhi bahasa Melayunya. Perbezaan antara kelainan pula terdapat pada hampir semua aspek bahasa, seperti sebutan, ejaan, kosa kata, tatabahasa dan penggunaan bahasa.

Dalam penulisan karya-karya ilmiah, bahasa Melayu yang digunakan masih menunjukkan keseragaman (bukan persamaan) yang tinggi, dan dapat difahami oleh pembaca dari negara lain, seperti tesis, jurnal dan kertas kerja persidangan. Tetapi di peringkat ini pun telah terdapat ungkapan atau penggunaan kata yang dirasakan agak asing atau aneh sedikit. Ragam bahasa yang digunakan dalam media massa telah sukar difahami bagi pengguna bahasa Melayu dari luar negaranya. Misalnya orang Malaysia secara umum mengalami kesulitan untuk membaca majalah ‘Gatra’ atau surat khabar ‘Kompas’; sebaliknya, orang Indonesia juga secara umum agak sukar untuk mengerti majalah ‘Dewan Masyarakat’ atau koran ‘Berita Harian’. Halnya sama tentang media elektronik. Contohnya, orang Malaysia, walaupun orang Kelantan, agak sukar memahami berita dialek Patani yang disiarkan oleh stesyen radio tempatan yang menggunakan kata-kata seperti ‘nayok’, ‘samacik’, ‘cangwat’ dan seterusnya (bermaksud ‘perdana menteri’, ‘ahli’ ‘wilayah’); begitu juga orang Patani, terutamanya yang tidak berpendidikan bahasa Melayu, amat sukar untuk memahami berita dari Malaysia yang mengandungi banyak perkataan yang asing bagi mereka.

Keadaan ini akan menggugat kekuatan bahasa Melayu sebagai ‘bahasa Nusantara’, dan sekiranya tidak diselaraskan, impian menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Asean atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak akan tercapai, kerana tidak lagi wujud ‘bahasa Melayu’ yang meliputi seluruh kawasan Nusantara, tetapi yang wujud cuma ‘bahasa Malaysia’, ‘bahasa Indonesia’, ‘dialek Patani’ dan sebagainya, iaitu kelainan bahasa yang cuma boleh digunakan dalam sempadan negara.

Untuk menangani cabaran ini, mungkin iktibarnya boleh diambil dari pengalaman bahasa Inggeris. Sejak zaman dahulu lagi para cerdik pandai meramalkan bahawa bahasa Inggeris di England dan Amerika akan menjadi kelainan bahasa yang tidak lagi dapat difahami antara satu dengan yang lain. Tetapi yang berlaku ialah sebaliknya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua kelainan bahasa Inggeris mempunyai perbezaan di hampir semua peringkat, tetapi ragam bahasa di peringkat rasmi dan ragam ilmiah menunjukkan persamaan yang amat tinggi, yang sama sekali tidak menjelaskan kefahaman. Bukan sahaja ragam bahasa rasmi dan ilmiah, bahasa yang digunakan dalam berita juga tidak menjelaskan kefahaman; orang Inggeris boleh memahami berita dari England, dan orang Amerika juga boleh mendapatkan maklumat daripada berita BBC (British Broadcasting Corporation). Di samping itu, dengan adanya budaya popular yang disalurkan antara satu dengan yang lain, pertalian bahasa Inggeris juga tetap terjamin. Ramai orang Amerika gemar akan lagu-lagu Elton John, manakala muda mudi Inggeris pula ramai yang menikmati lagu-lagu Michael Jackson².

² Perbincangan mengenai kelainan bahasa Inggeris boleh didapati dalam Bryson (1990), Crystal (1993), Trudgill et al. (ed.) (1998).

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa unsur yang menjamin pertalian bahasa Inggeris ialah saluran maklumat antara kedua-dua pihak (dan juga negara-negara berbahasa Inggeris induk seperti Kanada, Australia dan New Zealand). Oleh itu, untuk menjaga kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa serantau, saluran maklumat antara negara pengguna bahasa Melayu amat mustahak. Dan sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya, teknologi maklumat dapat memainkan peranan dalam hal ini, terutamanya melalui laman web.

8.3.2 Cabaran Dalaman

Antara banyak fungsi yang dimainkan oleh bahasa, penyampaian fikiran antara anggota masyarakat merupakan salah satu yang paling penting. Untuk sesuatu bahasa memainkan peranan tersebut sepenuhnya, daya penyampaian fikiran yang ada pada bahasa amat penting. Tetapi disebabkan oleh beberapa perkara, terjejaslah daya penyampaian fikiran yang ada pada bahasa Melayu.

Kato (1997 : 318) berpendapat bahawa jumlah kata pinjaman yang terlalu banyak akan menjelaskan daya fikiran penutur bahasa. Hal ini kerana kata pinjaman yang tidak mantap atau diambil secara sewenang-wenangnya tidak merujuk medan makna dengan tepat; sebaliknya, penutur merasakan seolah-olah mengungkapkan sesuatu sedangkan tidak menyedari makna yang dirujuknya dengan jelas. Wacana yang dihasilkan oleh penggunaan bahasa demikian sebenarnya tidak menyampaikan fikiran dengan sepenuhnya. Kato (1997 : 318) juga menganjurkan supaya unsur-unsur yang sedia ada dalam sesuatu bahasa sepenuhnya untuk mengungkapkan konsep baharu. Usaha untuk mencipta istilah baharu atau mencari istilah yang sedia ada untuk

konsep baru merupakan satu usaha yang amat membebankan fikiran. Cara yang paling mudah ialah menggunakan kata pinjaman sewenang-wenangnya.

Satu lagi akibat gejala ini ialah pengepungan ilmu, atau dengan kata lain, melebarkan jurang pemisah antara golongan yang kurang berpendidikan dengan golongan yang berpendidikan tinggi. Satu-satu bidang ilmu menggunakan istilah-istilah sendiri untuk mengungkapkan konsep-konsep tertentu. Linguistik, misalnya, menggunakan istilah-istilah tertentu seperti ‘sintaksis’, ‘morphologi’, ‘fonologi’ dan banyak lagi. Dengan itu, boleh dihasilkan ungkapan yang berikut; “sintaksis, morfologi, fonologi merupakan subbidang bagi bidang linguistik.” Pastinya, ayat ini amat sukar difahami oleh orang-orang yang tidak biasa dengan istilah-istilah demikian. Pendek kata, istilah-istilah demikian, yang diambil daripada bahasa Inggeris secara sebulat-bulat menjadi halangan bagi orang luar bidang untuk menyertai atau mendekatkan diri dengan ilmu tersebut. Tetapi sekiranya istilah-istilah diungkapkan dengan unsur yang sedia ada dalam bahasa Melayu, lebih mudah difahami oleh orang luar bidang, iaitu; “kaji bunyi (fonologi), kaji susunan ayat (sintaksis) dan kaji bentuk kata (morphologi) merupakan cabang bagi ilmu bahasa (linguistik)”. Kaedah menggunakan unsur yang sedia ada untuk konsep baharu digunakan dengan meluas dalam bahasa-bahasa Asia yang lain, seperti bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Thai dan sebagainya.

Dalam sesuatu majalah yang berwibawa penggunaan bahasanya di Malaysia, terdapat kata-kata sifat yang tidak sepatutnya digunakan, seperti; autoritatif, progresif, neutral, kompleks, plural, relevan, kreatif, dan sebagainya. Kata-kata pinjaman yang disenaraikan di atas ini dengan mudah boleh digantikan dengan istilah bahasa Melayu

yang sedia ada, iaitu; berwibawa, maju, pertengahan, rumit, jamak, sesuai dan berdaya cipta. Selain lemah daya berfikir, sikap bahasa penutur bahasa Melayu yang hendak menunjukkan ‘bahasa Inggeris’ sebagaimana yang diterangkan dalam **Bab 5** juga memainkan peranan di sini.

Halnya sama dengan bahasa Melayu dialek Patani. Walaupun pengguna dialek berkenaan juga masih mampu mencipta istilahnya sendiri baik melalui cantuman istilah Thai dengan istilah Melayu atau terjemahan pinjaman, jumlah kata pinjaman dari bahasa Thai beribu-ribu jumlahnya, sehingga amat sukar untuk mengungkapkan sesuatu perkara tanpa menggunakan istilah Thai, terutama yang berkaitan dengan pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi dan seumpamanya.

Jika dilihat bahasa Melayu dari segi jumlah kata pinjaman, jumlahnya semakin hari semakin bertambah, dan unsur yang sedia ada semakin tersingkir daripada bidang penggunaan, dan lama-kelamaan kata-kata demikian akan meninggalkan kesannya cuma dalam kamus sahaja sebagai ‘kata lama’. Jika keadaan ini berterusan, bahasa Melayu semakin kacau bahan bahasanya dan semakin lemahlah daya penyampaian fikiran. Cara untuk menangani masalah tersebut cuma satu, iaitu menambahkan penggunaan istilah asal bahasa Melayu di tempat yang sepatutnya.

8.4 Penutup

Kekuatan bahasa bergantung kepada penggunaannya. Bahasa yang terhad bidang penggunaannya akan lemah, lalu lenyap begitu sahaja. Penggunaan bahasa

Melayu, baik di Malaysia maupun di Thailand amat jauh daripada menjamin pertahanan bahasa Melayu dalam arus perkembangan sezaman yang telah dijelaskan di atas. Apa yang membimbangkan ialah ‘budaya membaca’ masyarakat penutur bahasa Melayu. Kekurangan minat membaca tidak menjamin pasaran yang tetap untuk buku-buku. Di samping itu, di negara induknya sendiri, bahasa Melayu bukanlah bahasa utama dalam media massa. Hal ini lebih jelas setelah bertambah sistem siaran televisyen kabel yang hampir semuanya berpengantar bahasa Inggeris.

Untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu, perlu ada kesedaran di kalangan penutur. Cara yang tradisional untuk menyedarkan pengguna ialah melalui kempen kebahasaan yang pernah dilaksanakan. Keberkesanan kempen-kempen demikian tidak dapat dinafikan. Tetapi adakah kempen yang skalanya sama besar seperti ‘Bulan Bahasa Kebangsaan’ yang pernah diadakan dapat dilaksanakan sekali lagi? Siapakah yang menanggung kos yang begitu besar? Adakah masyarakat umum mengizinkan belanja yang begitu besar semata-mata untuk bahasa, padahal mereka sibuk mengejar perkembangan sezaman yang serba canggih?

Kata Hang Tuah, “Tidak hilang Melayu di dunia”. Sesuatu bahasa yang dicatat di atas kertas tidak akan hilang lagi, tetapi tidak bernyawa. Bahasa Sanskrit, bahasa Yunani kuno, bahasa Latin, tetap mempertahankan bentuknya dalam buku-buku yang berlonggok di perpustakaan. Tetapi bahasa-bahasa tersebut tidak lagi dianggap sebagai bahasa hidup, kerana pengguna terakhirnya sudah lama meninggalkan dunia; iaitu tidak digunakan lagi. Hidup mati sesuatu bahasa semata-mata bergantung kepada penggunaan yang bangkit daripada kesedaran masyarakat penutur. Bahasa yang pernah mati boleh dihidupkan kembali seperti halnya bahasa Hebrew (Tanaka, 1981 :

186-188). Pada masa yang sama, jauh lebih banyak bahasa yang lemah lenyap dari muka bumi, dan cuma tinggal dalam buku-buku, catatan ahli antropologi, pita rakaman dan seumpamanya. Keadaan bahasa Melayu tidak seserius seperti bahasa-bahasa demikian. Namun penyingkiran daripada bidang-bidang yang penting seperti perundangan, sains dan teknologi dan teknologi maklumat tetap melemahkan daya tahan bahasa Melayu, dan akan menjelaskan nilai ekonomi yang ada pada bahasa tersebut. Pertahanan bahasa Melayu dalam alaf baharu merupakan soal yang patut difikirkan dengan sungguh, oleh semua anggota masyarakat bahasa Melayu, tidak kira bangsa dan sempadan negara. Sama ada wasiat wira Melayu pada zaman kegemilangan silam menjadi kenyataan atau tidak pada alaf baharu yang penuh dengan cabaran ini bergantung kepada kesedaran anggota masyarakat penggunaanya di seluruh kawasan Nusantara. Semoga bahasa Melayu terus berkembang menurut arah perkembangan yang sihat, tetap menjadi salah satu bahasa yang berdaya cipta, sanggup menyampaikan fikiran yang tinggi dan dapat menghasilkan karya-karya sastera yang mengandungi nilai budaya yang agung. Insya Allah.